

NILAI-NILAI PERPADUAN DALAM LIRIK LAGU TEMA ANIMASI TEMPATAN

Nurul Haniza Samsudin
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
E-mail: haniza_85@um.edu.my

Abd Ganing Laengkang
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
abdganing@um.edu.my

ABSTRAK

Perpaduan merupakan satu unsur utama dalam pembinaan dan pembangunan negara. Konsep perpaduan perlu diterapkan di peringkat awal dalam minda sejak di bangku sekolah. Dalam konteks ini, animasi merupakan satu medium yang amat penting dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis nilai-nilai perpaduan yang terdapat dalam sepuluh lirik lagu tema daripada tujuh filem animasi kanak-kanak tempatan, khususnya lirik lagu berbahasa Melayu. Tujuh filem animasi kanak-kanak tersebut ialah Upin dan Ipin (tiga lagu), Boboiboy (dua lagu), Ejen Ali (satu lagu) Bola Kampung (satu lagu), Mechamoto (satu lagu), Didi & Friend (satu lagu), dan Omar dan Hana (satu lagu). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, dengan menggunakan pendekatan analisis berdasarkan makna leksikal, ayat dan konteks. Secara keseluruhannya, tinjauan awal mendapati bahawa lirik-lirik lagu tema animasi mengandungi nilai-nilai perpaduan. Antara nilai atau unsur perpaduan ialah damai, hubungan kemasyarakatan, persahabatan, tolong-menolong, kebersamaan dan semangat kerja berpasukan. Selain itu, kajian turut mendapati nilai-nilai perpaduan hanya pada peringkat individu, sahabat dan penduduk sekitar. Kajian ini mencadangkan agar nilai-nilai perpaduan dalam lirik lagu animasi kanak-kanak diperbanyak lagi, sama dalam aspek lirik atau watak dan perwatakan pelbagai kaum.

Kata Kunci: nilai-nilai perpaduan, lirik lagu, animasi dan kanak-kanak

1. Pengenalan

Perpaduan merujuk kepada idea mengintegrasikan pelbagai elemen atau komponen untuk mencapai tujuan yang harmonis. Dalam konteks sosial dan budaya, perpaduan melibatkan usaha menyatukan pelbagai kumpulan etnik, budaya, atau agama untuk mencapai kesejahteraan bersama serta mengurangkan konflik. Animasi pula merupakan satu simulasi atau ilusi pergerakan yang berlaku pada rangkaian teks, gambar atau video serta mampu menarik perhatian seseorang yang melihatnya. Elemen animasi yang menjadi daya tarikan dan perhatian sewaktu menonton adalah kandungan animasi yang menarik dan menghiburkan (Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff & Maizatul Haizan Mahbob, 2020). Tema perpaduan yang diangkat dalam animasi kebiasaannya disatukan dengan pelbagai watak, latar, dan budaya untuk menyampaikan mesej yang kuat mengenai kebersamaan dan kerjasama. Animasi juga dapat digunakan sebagai medium yang memperkenalkan kepelbagaian budaya, tradisi dan cara hidup masyarakat yang berbeza. Mesej mengenai perpaduan seperti bersatu padu, kerjasama dan menghormati perbezaan juga dapat diperkenalkan kepada kanak-kanak melalui lirik lagu, plot cerita serta watak-watak yang ditonjolkan dalam sesebuah animasi.

Kajian ini berfokus kepada lirik lagu yang berunsurkan perpaduan dalam animasi kanak-kanak tempatan. Lirik lagu yang positif dan bermakna dalam animasi tempatan dapat membentuk pemikiran dan emosi kanak-kanak dengan cara yang berkesan. Semasa kanak-kanak mendengar dan menyanyi lagu-lagu tersebut, mereka bukan sahaja mendengar irama dan melodi, tetapi menyerap mesej-mesej penting yang terkandung dalam lirik lagu tersebut. Situasi ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan konsep dan nilai-nilai perpaduan serta menggalakkan kanak-kanak untuk mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Pemikiran penulis digambarkan melalui

emosi, iaitu terdapat hubungan antara bahasa, pemikiran dan masyarakat. Dalam aspek penyampaian makna, konteks emosi dan sosial diterjemahkan melalui kata-kata yang dipilih. Situasi ini membolehkan pendengar memahami perasaan dan situasi yang ingin ditonjolkan oleh penulis.

Media animasi mempengaruhi perkembangan kanak-kanak, sama ada dalam aspek fizikal, mental dan psikologi melalui mesej yang ingin disampaikan (Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff & Maizatul Haizan Mahbob, 2020). Hasil kajian ini menunjukkan mesej positif memberi pengaruh yang cukup besar dan signifikan ke atas kemahiran komunikasi interpersonal kanak-kanak berbanding impak media animasi yang lain, iaitu peniruan pembelajaran sosial dan mesej negatif (verbal dan bukan verbal). Kanak-kanak didapati mampu mengekspresikan pengalaman, menggambarkan situasi dan membentuk kemahiran komunikasi yang progresif. Pendedahan yang berterusan kepada animasi dari negara asing telah melunturkan budaya ketimuran dan pegangan agama (Nur Azizah Mohamed Najib et al., 2015). Animasi turut memainkan peranan dalam menyampaikan mesej berbentuk perpaduan melalui latar, watak, plot dan peristiwa. Skrip yang digarap dalam sesuatu animasi membentuk naratif yang bermakna, iaitu berfungsi sebagai alat komunikasi yang membantu kepada kefahaman dan penghayatan konsep perpaduan (Norzaliza Ghazali et al., 2018).

Filem animasi tempatan yang sarat dengan mesej perpaduan mengetengahkan konsep kepelbagaian kaum dan budaya dalam masyarakat Malaysia. Watak-watak dalam animasi tempatan juga dibangunkan dengan menekankan konsep kerjasama, interaksi dan suasana positif yang berinspirasi semangat perpaduan. Dalam animasi kanak-kanak tempatan Upin dan Ipin contohnya, wacana identiti Melayu diterapkan dalam penghasilannya watak-wataknya (Muhamad Syahman Mahdi et al., 2019). Konsep perpaduan melalui pertuturan, amalan harian dan tempat tinggal diaplikasikan bagi membentuk cerita yang beridentitikan Melayu. Konsep perpaduan menerusi episod *Dugaan dan Nikmat* ditonjolkan melalui watak Upin dan Ipin serta pelbagai kaum yang hidup secara harmoni di Kampung Durian Runtuh. Persahabatan dan toleransi sesama kaum juga diperlihatkan melalui watak Upin, Ipin, Rajoo, dan Mei Mei yang mengejar ayam jantan untuk Hari Raya. Watak seperti Tok Dalang yang mengajar nilai kepimpinan dan tanggungjawab dan mendidik nilai perpaduan dalam kepelbagaian. Animasi juga digunakan sebagai medium berkesan memperkenalkan konsep nilai moral (kejujuran, tanggungjawab dan sikap ambil berat), nilai etika (integriti, keadilan, dan ketepatan masa) serta nilai perpaduan (kerjasama, toleransi, dan keharmonian). Kanak-kanak lebih cenderung mengembangkan kemahiran sosial dan emosi yang baik apabila menghargai perbezaan pandangan dan latar belakang yang pelbagai (Smith & Jones, 2012).

Lagu-lagu patriotik juga berperanan dalam menyemai semangat patriotisme dalam jiwa masyarakat terutamanya dalam aspek pemilihan kata bagi menghasilkan liriknya. Penggunaan kata adjektif seperti *setia, gagah, berani, taat, patuh, mulia* dan sebagainya menggambarkan taat setia kepada raja dan negara, sanggup berkorban untuk negara dan semangat yang berkobar-kobar (Mohammad Haris Azis, 2017). Pada masa yang sama, lirik lagu turut berfungsi dalam menyampaikan makna dan gambaran pemikiran penulis (Masitah Mad Daud & Zulkifley Hamid, 2017). Lirik lagu merupakan salah satu manifestasi sastera yang mencerminkan ketinggian nilai dan budaya masyarakat (Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nordiana Ab Jabar, 2020). Lirik lagu juga mengandungi nilai-nilai moral dan pengajaran yang dapat membentuk keperibadian seseorang. Kepelbagaian genre dan bait lagu yang dihasilkan mencerminkan kredibiliti dan keunggulan dalam karya seni. Sebagai contoh dalam kajian ini, lirik lagu *Tolong Ajari Aku* nyanyian Ana Raffali didapati mengandungi nilai falsafah dan gaya penyampaian penulis lirik melalui gaya bahasa, teknik penulisan, kiasan dan sebagainya. Gaya bahasa retorik juga merupakan satu bentuk bahasa yang digunakan semasa menulis lirik lagu agar dapat mempengaruhi emosi pendengar. Empat jenis retorik moden yang digunakan ialah naratif,

pemerian, eksposisi, dan penghujahan. Dalam kajian ini, lirik lagu yang difokuskan ialah lagu “Pejamkan Mata” oleh Malique yang dicipta pada tahun 2016 (Ahmad Wafi Yunus & Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin, 2023). Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam fungsi retorik tersebut, iaitu retorik naratif menyampaikan cerita, retorik pemerian bertujuan mencipta gambaran yang jelas, retorik eksposisi bertujuan menjelaskan idea, dan retorik penghujahan bertujuan membentangkan hujah.

Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis nilai-nilai perpaduan yang terdapat dalam lagu tema animasi tempatan. Dengan perkataan lain, pengkaji akan meneliti unsur-unsur perpaduan, seperti nilai kebersamaan, kerjasama, persahabatan, keharmonian, semangat kerja berpasukan, tolong-menolong, dan sebagainya. Semua unsur ini mendukung konsep perpaduan yang terdapat dalam animasi tempatan.

2. Metodologi kajian

Kajian ini berkaitan dengan analisis lirik lagu tema animasi kanak-kanak yang diterbitkan di Malaysia. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif, khususnya pendekatan analisis kandungan. Kaedah kualitatif digunakan untuk meneliti nilai-nilai perpaduan yang terdapat dalam lirik lagu tema animasi. Untuk mendapatkan nilai-nilai perpaduan dalam lirik lagu tersebut, pengkaji menggunakan analisis kandungan yang berdasarkan analisis semantik leksikal. Dalam konteks ini, makna konseptual dan makna asosiatif dimanfaatkan dalam menganalisis data kajian, seperti yang dihuraikan oleh Suwandi (2011) dan Chaer (2013). Secara umumnya, makna konseptual juga dikenali sebagai makna denotatif, dan maksud makna asas bagi sesuatu perkataan, makna pada peringkat perkataan sahaja dan bebas konteks.

Dengan perkataan lain, makna konseptual ialah makna tidak ada makna tambahan disebabkan oleh konteks tertentu atau kiasan. Makna asosiatif pula merujuk kepada makna sesuatu perkataan yang terbentuk setelah dikaitkan dengan konteks, situasi atau hala-hal bukan bahasa. Makna asosiatif boleh dibentuk melalui hubungannya dengan nilai-nilai, pandangan hidup, pemahaman, budaya dan sebagainya. Makna asas mengalami peluasan makna. Misalnya, perkataan merah. Dari segi makna konseptual, perkataan ini hanya merujuk kepada warna semata-mata tanpa makna lain. Dari sudut makna asosiatif, perkataan merah boleh membawa makna keberanian berdasarkan konteks penggunaan perkataan tersebut. Dari segi pemilihan data, kajian ini menggunakan kaedah sampel bertujuan, iaitu memilih data yang sesuai dengan objektif.

Jadual 1: Nama Filem Animasi, Tajuk Lagu Tema dan Nilai Perpaduan

No	Animasi	Tajuk dan Penyanyi	Nilai Perpaduan
1.	Upin & Ipin: Geng Pengembaraan Bermula	Tajuk: Damai Penyanyi: Ito	i. Hubungan Kemasyarakatan ii. Damai
2.	Upin & Ipin: Jeng Jeng Jeng!	Penyanyi: Yubi Band	iii. Persahabatan iv. Tolong-menolong
3.	Upin Ipin	Gembira Bermain	
4.	Boboiboy The Movie	Masih Di Sini Penyanyi: Bunkface	i. Kebersamaan ii. Tolong-menolong
5.	BoBoiBoy Movie 2	Tajuk: <i>Fire & Water</i> Penyanyi: Faizal Tahir	

6.	Ejen Ali: The Movie.	Tajuk: Kita Jaga Kita Penyanyi: Altimet, Cuurley Malik Abdullah.	i. Kebersamaan
7.	Bola Kampung	Suara Kanak-Kanak	i. Semangat Berpasukan
8.	Mechamato	Temaniku Penyanyi: YonnyBoii	i. Persahabatan
9.	Didi & Friend The Movie	Luar Biasa Penyanyi: Hael Husaini	i. Persahabatan
10.	Omar dan Hana	Tolong Mama Papa	i. Tolong menolong

3. Perbincangan

Analisis nilai-nilai perpaduan yang terdapat dalam lagu animasi kanak-kanak Malaysia dilakukan berdasarkan pendekatan analisis semantik leksikal. Secara umumnya, hasil kajian menunjukkan pelbagai elemen atau nilai perpaduan yang terdapat dalam 10 lagu tema animasi, antaranya ialah hubungan sosial, hubungan persahabatan, hubungan dalam kerja berpasukan, hubungan dalam masyarakat, dan negara.

3.1 Upin dan Ipin

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis tiga lagu tema bagi filem atau drama animasi *Upin dan Ipin*. Tiga lagu tersebut ialah *Damai*, *Upin & Ipin: Jeng Jeng Jeng!*, dan *Gembira Bermain*. Ketiga-tiga lagu tema ini membawa nilai dan mesej perpaduan, sama ada perpaduan pada peringkat hubungan kemasyarakatan, kekeluargaan, persahabatan.

i. Nilai Hubungan Kemasyarakatan

Hubungan kemasyarakatan atau hubungan sosial merupakan satu nilai penting bagi membina keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Lirik lagu tema *Upin dan Ipin* yang bertajuk *Damai* menggambarkan masyarakat yang aman dan damai. Dalam konteks ini, hubungan sosial yang harmoni merupakan satu nilai yang penting dalam mewujudkan jalinan persaudaraan yang mesra. Nilai hubungan sosial dapat dilihat melalui lirik lagu berikut:

*Orang berbudi; Kita berbahasa
Kita nyanyi ramai.*

Dalam ungkapan di atas, *berbudi* dan *berbahasa* membawa makna kesopanan, budi pekerti dan amalan mulia dalam kehidupan bermasyarakat. Kewujudan amalan berbudi dan berbahasa dalam masyarakat akan dapat mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, ajakan “kita nyanyi ramai”, juga membawa konsep perpaduan pada peringkat hubungan kemasyarakatan. Mengajak untuk menyanyi bersama-sama menunjukkan kemesraan dalam kalangan penduduk kampung. Lirik lagu tema *Upin Ipin: Jeng Jeng Jeng* menunjukkan seruan perpaduan melalui ungkapan lazim didengari, iaitu seperti berikut:

*Bersatu kita teguh; Kalau bercerai kita roboh.
Yakinkan dirimu; Semua pasti kan terjadi*

Lirik lagu dia atas menyeru dan meyakinkan pendengar bahawa perpaduan akan menjadi kenyataan sekiranya semua masyarakat bersatu dalam pelbagai perkara. Perpaduan ini wujud pada peringkat

masyarakat atau negara. Sekiranya masyarakat tidak bersatu, negara akan hancur kerana mudah dijajah oleh pihak asing. Sebanyak enam kali lirik tersebut diulang dalam lagu. Oleh itu, kajian menyimpulkan bahasa lagu Upin Ipin Jeng Jeng Jeng merupakan satu lagu seruan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum dan agama.

ii. Nilai Perdamaian

Dalam konteks Malaysia, perdamaian adalah sebahagian daripada konsep perpaduan. Perpaduan tidak akan wujud tanpa suasana aman damai, dan masyarakat yang saling hormat-menghormati. Kajian ini menemui lirik lagu tema yang menyeru perdamaian. Dalam lagu *Damai*, terdapat dua lirik yang membawa makna seruan perdamaian, iaitu seperti berikut.

*Laungkan lagu damai;
Carik bulu ayam; Akan bercantum jua;
Lupakan hal semalam; Esok pasti ceria*

Contoh 1, *Laungkan lagu damai* secara tersurat mengajak masyarakat untuk menghayati nikmat kedamaian dalam kehidupan. Contoh 2 pula berkaitan dengan konflik, perselisihan dan penyelesaian. Dalam konteks kehidupan, perkataan *hal semalam* merujuk kepada sengketa atau konflik yang boleh menjejaskan hubungan persahabatan dan boleh mewujudkan perpecahan. *Lupakan hal semalam* ialah satu penyelesaian konflik bagi membina perdamaian dan perpaduan.

iii. Nilai Persahabatan

Kebersamaan berbeza dengan persahabatan. Nilai persahabatan merujuk kepada hubungan emosi antara dua individu atau lebih dalam menjalani kehidupan seharian. Hubungan emosi ini merangkumi kasih sayang, keikhlasan, simpati, hormat, setia, dan sebagainya. Dalam kajian ini, persahabatan adalah sebahagian daripada konsep perpaduan kerana ia melibatkan hubungan kukuh antara dua individu atau lebih. Jalinan persahabatan yang kukuh ini berupaya mewujudkan perpaduan. Dalam lagu *Damai*, terdapat lirik lagu yang menyeru memilih kawan-kawan yang baik. Pemilihan kawan yang baik, khususnya kawan yang mempunyai sikap tolong-menolong, hormat-menghormati amat penting dalam membina perpaduan pada peringkat persahabatan. Lirik lagunya adalah seperti berikut:

*Ingat masa depan; Pilih kawan-kawan;
Amalan yang baik (Tajuk Lagu: Damai)*

*Kami ini kawan kawan; Sekampung sepermainan;
Harmoninya kehidupan (Tajuk Lagu: Gembira Bermain)*

Lirik lagu dalam contoh 1 di atas menunjukkan seruan untuk memilih sahabat atau rakan-rakan yang mempunyai amalan yang baik agar persahabatan kekal lama. Amalan yang negatif akan merosakkan hubungan persahabatan. Contoh 2 pula menggambarkan persahabatan pada peringkat sekampung dan digambarkan sebagai hubungan yang sangat harmoni. Frasa *kami ini kawan-kawan* merupakan satu pengisytiharan bahawa mereka merupakan kawan sekampung, rakan sepermainan, dan mempunyai hubungan yang sangat harmoni. Pelbagai permainan kampung dilakukan bersama dengan penuh keseronokan, tanpa pergaduhan yang serius.

iv. Nilai Tolong-Menolong

Tolong-menolong merupakan tindakan menghulurkan bantuan kepada seseorang yang dalam kesusahan atau meringankan bebanan hidup seseorang. Tindakan ini dapat mewujudkan semangat persaudaraan sekali gus mengukuhkan perpaduan. Pengkaji mendapati lagu tema Upin dan Ipin

bertajuk *Gembira Bermain* telah membawa nilai tolong-menolong. Tolong-menolong dapat mengukuhkan persahabatan dan persaudaraan. Hal ini dapat dilihat melalui lirik lagu berikut:

*Kami semua kawan sekampung;
Mestilah tolong-menolong (Lagu tema: Gembira Bermain)*

Perkataan *tolong-menolong* di atas amat jelas menyeru agar memiliki sikap tolong menolong rakan-rakan yang dalam kesusahan. Hal ini penting bagi menguatkan lagi persahabatan dan perpaduan.

3.2 Boboiboy

Terdapat dua lagu tema Boboiboy melalui dua filem. Tajuk lagu tema bagi *Boboiboy The Movie* ialah *Masih di Sini*, kumpulan penyanyi Bunkface, dan lagu tema *BoBoiBoy Movie 2* bertajuk *Fire & Water*, dinyanyikan oleh Faizal Tahir. Secara umumnya, pengkaji menemui dua nilai atau elemen perpaduan dalam filem animasi Boboiboy, iaitu kebersamaan dan tolong-menolong.

i. Kebersamaan

Dalam konteks perpaduan, kebersamaan merujuk kepada hubungan kerjasama, kesepakatan dan persetujuan bersama untuk mencapai sesuatu misi atau matlamat. Persahabatan pula lebih kepada hubungan emosi antara dua individu dalam menjalani kehidupan bersama, seperti kasih sayang, kepercayaan, keikhlasan, hormat menghormati dan sebagainya. Lagu tema *Boboiboy The Movie* telah menerapkan elemen kebersamaan dalam perjuangan. Lirik lagu *Boboiboy The Movie* dimulai dengan seruan untuk mengukuhkan perpaduan. Hal ini dapat dilihat melalui lirik berikut:

*Jangan mudah menyerah; Bangkit semula
Terbang menuju awan (Lagu: Masih di Sini)*

Ketiga-tiga baris ini jelas menunjukkan seruan untuk bersama bangkit menuju kejayaan. Elemen perpaduan tersebut wujud dalam peringkat pasukan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan lirik lagu berikut:

*Kau dan aku; **Bersama kita** berjuang
Melangkah ke depan; **Bersama kita** tentukan.
Kita lalu **bersama**; Sejarah yang kan **kita** bina*

Perkataan *kau* dan *aku* menunjukkan hubungan yang sangat rapat antara dua sahabat. Konsep perpaduan ini dapat dilihat melalui lirik berikutnya, bersama kita berjuang, melangkah ke depan, bersama kita tentukan. Makna yang terdapat dalam lirik menggambarkan bahawa perpaduan dan kerjasama sangat penting dalam perjuangan. Perjuangan seorang diri tidak akan memperoleh kemenangan, ia perlu dilakukan dalam satu kumpulan atau pasukan yang bersatu padu.

ii. Tolong Menolong

BoBoiBoy Movie 2 lebih menekankan nilai tolong-menolong dalam membina dan mengukuhkan semangat perpaduan dalam satu pasukan. Amalan tolong-menolong dapat merapatkan hubungan dan mewujudkan perasaan saling memerlukan antara satu sama lain. Keadaan ini sekali gus membina satu masyarakat yang sentiasa mengelakkan permusuhan. Konsep tolong menolong yang digambarkan dapat dilihat melalui lirik berikut:

*Kau memberiku kuasa;
Saat ku hilang arah, Kaulah adi wira.*

Dalam konteks ini, kau *memberiku kuasa .. saat kuhilang arah* membawa maksud memberikan pertolongan ketika seseorang sedang dalam kesusahan. Pertolongan tersebut lebih kepada sokongan moral, semangat dan sebagainya agar mampu meneruskan peranannya. Pertolongan kepada seseorang memenuhi konsep perpaduan.

3.3 Bola Kampung

Filem animasi *Bola Kampung* turut menekankan konsep perpaduan, tetapi pada peringkat pasukan bola sepak. Bola sepak merupakan sejenis sukan yang terdiri daripada 11 orang. Untuk mencapai kemenangan, pasukan tersebut memerlukan kerjasama semua pemain ketika perlawanan sedang berlangsung. Secara umumnya, kajian ini menemui nilai semangat kerja berpasukan.

i. Nilai Semangat Berpasukan

Semangat kerja berpasukan bermaksud setiap individu perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk mencapai kejayaan bersama. Setiap orang dalam pasukan mempunyai tugas yang berbeza, dan mereka juga perlu memahami peranan rakan sepasukan lain agar dapat menjalankan kerja secara sistematik dan strategik. Analisis kajian menunjukkan bahawa filem animasi *Bola Kampung* menerapkan semangat kerja berpasukan, seperti melalui lirik lagu berikut:

*Main bola dalam pasukan
Meraih gelaran juara (Tajuk Lagu: Bola Kampung)*

Berdasarkan lirik di atas, *main bola dalam pasukan* merujuk kepada setiap pemain perlu bermain sebagai satu pasukan. Mereka hendaklah memahami posisi dan tugas masing-masing agar dapat mewujudkan kesepakatan dan kerjasama dalam perlawanan. Tanpa kesepakatan daripada setiap pemain, strategi perlawanan tidak akan berjaya dan akan menemui kegagalan atau kekalahan.

3.4 Didi & Friend The Movie

Filem animasi *Didi & Friends* menekan aspek persahabatan dan hal ini sesuai dengan tajuk filem tersebut. Filem animasi tiga memaparkan tiga sahabat Didi, Jojo dan Nana. Mereka sentiasa bersama ketika susah dan senang. Pengkaji merumuskan bahawa filem animasi *Didi and Friend* mengetengahkan konsep perpaduan pada peringkat kanak-kanak.

i. Nilai Persahabatan

Nilai persahabatan terletak pada kesediaan, kesetiaan dan keikhlasan kawan-kawan untuk berada bersama ketika susah dan senang. Pengkaji mendapati *Didi & Friend The Movie* banyak menerapkan nilai persahabatan. Hal ini selari dengan tajuk filem animasi tersebut yang menggunakan perkataan *friend*, iaitu kawan atau sahabat. Hal ini dapat dilihat melalui lirik lagu berikut:

*Namun bilaku terjatuh
Kamu ada, kita bangkit bersama*

*Bila bersama kita semua ...
Bila bersama kita lebih luar biasa*

Lirik lagu tema di atas menunjukkan nilai-nilai persahabatan dan sekali gus menggambarkan perpaduan pada peringkat sahabat. Dalam contoh 1, *Menjejaki bersama, kamu ada, kita bangkit bersama* menggambarkan hubungan persahabatan yang kukuh. Jika seorang sahabat menemui kegagalan atau berada dalam kesusahan, sahabat lain akan datang membantu untuk menyelesaikan

masalah. Bagi contoh 2, lirik *Bila bersama kita lebih luar biasa* memperjelas lagi bahawa persahabatan akan memperoleh kejayaan yang luar biasa berbanding dengan kejayaan secara individu.

3.5 Ejen Ali

Lagu *Kita Jaga Kita* bagi filem *Ejen Ali The Movie* yang ditayangkan pada penghujung 2019 mengetengahkan nilai-nilai perpaduan, kebersamaan dan kesepakatan. Ali merupakan kanak-kanak berumur 12 tahun menganggotai pasukan perisikan rahsia untuk melindungi bandar Cyberaya.

Nilai Kebersamaan

Nilai-nilai kerjasama dapat dilihat melalui watak Ali dengan ejen muda yang lain. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kebersamaan merujuk kepada hubungan kerjasama, kesepakatan dan persetujuan bersama untuk mencapai sesuatu misi atau matlamat. Pengkaji mendapati nilai kebersamaan diterapkan dalam filem animasi *Ejen Ali*, seperti berikut:

*Bersama lalu jalan berliku,
Kita jaga kita.
Cuma kita berjasa untuk kita
Sama-sama kita.
Siapa lagi kalau bukan kami,
Walaupun satu dua kerat, **Kami** tetap kejar,
Kejayaan yang semakin dekat*

Lirik lagu di atas menunjukkan elemen-elemen kebersamaan dalam satu kumpulan kecil, yang diketuai oleh Ali. Kebersamaan dapat ditandai oleh kata ganti diri, seperti *kita jaga kita, sama-sama kita, kami* dan sebagainya. Selain itu, lirik lagu *Walaupun satu dua kerat, Kami tetap kejar, Kejayaan yang semakin dekat* menunjukkan semangat yang tinggi sebagai satu kumpulan kecil untuk mencapai kejayaan. Hal ini sekali menggambarkan bahawa walaupun bilangan pasukan adalah sedikit, sekiranya semangat kebersamaan dan perpaduannya kuat, maka kejayaan boleh dicapai dengan mudah. Hal ini yang diketengahkan oleh Ejen Ali, bahawa perpaduan kunci kejayaan.

3.6 Mechamoto

Lagu tema filem animasi *Mechamoto* bertajuk *Temaniku* turut menggambarkan nilai kebersamaan antara watak dalam filem tersebut, iaitu Mechamoto, MechaBot, Pian, Tamara dan sebagainya.

i. Kebersamaan

Nilai kebersamaan dalam filem animasi *Mechamoto* ditandai oleh misi untuk melawan robot-robot jahat. Oleh itu, Mechamoto cenderung kepada nilai kebersamaan. Hal ini dapat dilihat melalui lirik berikut:

*Aku mahu kita; Mahu kita **bersama**; Bila aku tiada **bersamamu**;
Bila ku perlu **kau menemani**, Kau buat aku rasa berani
Bila aku tiada bersamamu, **Aku rasa lemah**...*

Perkataan *kita, bersama, bersamamu*, dan *kau menemani* menunjukkan nilai-nilai kebersamaan dalam meneruskan perjuangan. Kebersamaan yang terbina akan meningkatkan keberanian diri seseorang. Lirik lagu di atas secara tidak menggambarkan bahawa seseorang memerlukan sokongan moral untuk membina kebersamaan.

3.7 Omar dan Hana

Filem animasi ini menggambarkan kehidupan pasangan adik-beradik, *Omar dan Hana* bersama keluarga dan rakan-rakan yang lain. Filem ini menekankan nilai-nilai Islam. Animasi *Omar dan Hana* merupakan filem bersiri dengan menayangkan pelbagai situasi. Setiap situasi mempunyai lagi tersendiri. Dalam kajian ini memilih satu lagu untuk menunjukkan nilai perpaduan pada peringkat kekeluargaan, iaitu nilai tolong menolong.

i. Nilai Tolong-Menolong

Terdapat banyak penanda linguistik yang menunjukkan sikap tolong-menolong dalam keluarga Omar dan Hana. Dalam konteks ini, pengkaji menggambarkan bahawa sikap-tolong menolong dalam lagu berikut merupakan nilai-nilai perpaduan pada peringkat kekeluargaan.

*Saya tolong Mama; Saya tolong Papa;
Tolong sama-sama, Alhamdulillah seronoknya.
Masak sama-sama*

Petikan lirik di atas menunjukkan amalan tolong-menolong, iaitu anak menolong ibu bapa dalam menjalankan kerja-kerja rumah. Kerja-kerja rumah ditandai dengan perkataan *angkat, simpan, bersihkan, dan sapu* yang terdapat dalam lirik lagu. Amalan yang ditunjukkan dalam lagu *Omar dan Hana* dapat mewujudkan keseronokan, keceriaan dan kebahagiaan dan seterusnya perpaduan dalam kekeluargaan.

4. Kesimpulan

Perpaduan merupakan satu konsep yang amat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Ia perlu diterapkan ke dalam minda generasi baharu, khususnya kanak-kanak dan remaja agar mereka dalam mewujudkan sikap saling hormat menghormati, kasih sayang, tolong menolong dan sebagainya. Filem animasi kanak-kanak, khususnya lagu tema animasi merupakan satu platform penting dalam memupuk semangat perpaduan kerana lagu tema menjadi nyanyian harian mereka. Dalam kajian ini, sepuluh lagu yang telah dianalisis memperlihatkan nilai-nilai perpaduan yang wujud pada peringkat kekeluargaan, persahabatan, pasukan dan kemasyarakatan. Kajian ini merumuskan bahawa lagu-lagu tema filem animasi tempatan membawa nilai perpaduan. Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak lagu animasi tempatan mengangkat tema perpaduan yang lebih tinggi, khususnya perpaduan peringkat serantau atau peringkat sejagat.

5. Rujukan

- Ahmad Wafi Yunus & Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin. (2023). penulisan lirik lagu Malique: Satu analisis retorik moden. *E-jurnal bahasa dan linguistik*, 5(1), 15-25. <https://ejbl.kuis.edu.my/index.php/e-jbl/article/view/135/68>
- Masitah Mohd Daud & Zulkifley Hamid. (2017). Pemikiran dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *Journal of Education and Social Sciences*, 6(2), 65-71.
- Mohammad Haris Abd Azis. (2016). Keunggulan dan nilai lagu patriotik berdasarkan aspek pemilihan kata dalam lirik dan kesesuaian elemen muzik. *Proceeding of ICECRS, 1. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA*, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.554769>

- Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nordiana Ab Jabar. (2020). Interpretasi resepsi sastra menerusi lirik lagu Tolong Ingatkan Aku, *International Journal of Creative and Arts Studies*, 8(2), 35-53.
- Muhammad Sahrul Fahiz Mat Ariff & Maizatul Haizan Mahbob. (2020). Impak media animasi terhadap kemahiran komunikasi interpersonal kanak-kanak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4), 1-11. <https://journalarticle.ukm.my/17113/1/336-Article%20Text-502-1-10-20201030.pdf>
- Muhamad Syahman Mahdi, Yusmilayati Yunos, & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2019). Wacana identiti Melayu dalam animasi Upin & Ipin: Episod Dugaan dan Nikmat. *Jurnal Melayu*, 18(2), 164-178. <https://journalarticle.ukm.my/14320/1/35362-110819-1-SM.pdf>
- Norzaliza Ghazali, Haji Yahya Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Ahmad & Fatinah Zainon. (2018). Perpaduan dalam seni lukis kartun : Analisis semiotik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (11), 30–41. <https://ijepc.com/PDF/IJEP-2018-11-03-03.pdf>.
- Smith, A., & Jones, B. (2012). Inclusive animation: Promoting social justice through children's media. *Child Development Research*, 24(3), 89-102.